

KERTAS KERJA FILEM “SEMERAH PADI” (1956) ARAHAN SENIMAN AGUNG ALLAH YARHAM TAN SRI P RAMLEE

MUQADDIMAH

Semerah Padi (1956) dianggap ramai pengkritik filem sebagai filem terbaik P. Ramlee. Guru filem, Hassan Abd Muthalib didalam buikunya, *Malaysian Cinema In A Bottle: Century(and a Bit More) of Wayang* (Merpati Jingga, Ogos 2013) menyebut ...*Malay cinema per se only began with Semerah Padi (the Village of Semerah Padi) directed by P. Ramlee. In this film, the authenticity of the Malay world can be discerned through mannerisms of the characters, their traditional customs and mores as well as the visual look of the film.* Menonton Semerah Padi merupakan pengalaman baru kerana kita tidak lagi berasa seperti menonton filem Hindi dan Tamil atau yang seangkatan dengan nya. Pengaruh Cinema Jepun, khususnya Akira Kurosuwa juga begitu jelas dalam filem ini.

Sesudah filem Penarik Beca, P.Ramlee sekali lagi diberi kesempatan untuk mengarahkan iaitu filem Semerah Padi yang cerita asalnya ditulis oleh Omar Rojek. Pada mulanya P.Ramlee memberikan judul Long Batee, tetapi setelah memikirkan pakaian dan latar belakang, maka dia menggantikannya dengan judul Semerah Padi.

P. Ramlee telah dengan berani nya menghasilkan sebuah filem yang agak berat iaitu sebuah filem berunsur agama Islam. Boleh dikatakan hampir kesemua plot penceritaan filem Semerah Padi ini memperlihatkan nilai-nilai keagamaan.

Penulisan yang sesukar ini mengingatkan penulis kepada apa yang pernah diperkatakan oleh seorang pengkritik dan pemerhati yang lama berada dalam industri perfileman Malaysia - Hassan Abd Mutalib: "Namun, hingga kini belum ada seorang pun ahli akademik yang menghuraikan apa yang sebenarnya cuba disampaikan dalam Semerah Padi".

Memengertikan mesej atau yang tersirat yang hendak disampaikan oleh P. Ramlee dan memahami subteks atau sesuatu yang tersirat dalam pembikinan filem Tan Sri P. Ramlee yang berpaksikan agama Islam.

Seorang lagi pengkritik filem menyifatkan filem Semerah Padi sebagai sebuah filem yang benar-benar "Melayu" kerana filem Melayu sebelum itu adalah filem-filem Melayu yang terdedah kepada pengaruh filem-filem Hindi.

Allah Yarham Dr, Anuar Nurf Arai seorang ahli akademik, pengarah dan pengkritik filem kelahiran Malaysia berkelulusan PhD Theater dan Filem dari University of Southern, California, Los Angeles, Amerika Syarikat, pernah menyifatkan Semerah Padi merupakan filem Melayu yang paling Melayu dalam sejarah dan merupakan satu perkembangan filem Melayu di Singapura.

Cerita asal ditulis oleh Omar Rojik dengan judul Long Batih. Kemudian ditukar pula menjadi Pukau, dan akhir sekali ke SEMERAH PADI. P. Ramlee telah mengolah hampir keseluruhan isi cerita itu. Pengolahan tersebut bermaksud untuk menjadikan filem ini sebuah drama dan penceritaan yang lunak dimata orang ramai kerana yang terpenting adalah menyampaikan mesej. mewujudkan subteks dan dalam erti-kata memahami apa yang digemari orang ramai. Mungkin itu penyebabnya penutup atau penghujung cerita ini telah ditukar dari cerita asal nya yang ditulis oleh seniman dan pengarah Omar Rojik.

Dalam cerita asal Omar Rojik, beliau bayangkan kampong Semerah Padi itu bertempat di Aceh, Sumatera Utara (tempat asal usul ayahnda P. Ramlee). Ini juga mungkin sedemikian untuk membuat penonton berfikir yang filem ini bukan fiksyen semata-mata.

PENGKARYA, PELAKON DAN PENGGERAK UTAMA

Para pendukung watak dalam filem ini adalah terdiri dari seniman dan seniwati pillihan yang berbakat dan para veteran yang berpengalaman seperti seniman Daeng Idris dan Malik Sutan Muda dan yang seangkatan dengan mereka

termasuk pelakon-pelakon yang lebih muda seperti Salleh Kamil, Normadiah dan A. Rahim dalam era kegemilangan Studio Jalaln Ampas.

Para pengkarya, sutradara dan para pelakon yang mendukung watak-watak dalam filem Semerah Padi ini adalah nama-nama berikut:

Dikeluar dan diedarkan: Shaw Brothers Limited, Singapore.

Dibuat oleh: Malay Film Production (MFP)

Pengarah: P. Ramlee

Pen. Pengarah: S.Hassan Sahab
S. Sudarmaji

Pelakon: Nordin Ahmad
P. Ramlee
Saadiah

Co-starring: Daeng Idris
Normadiah
Musalmah
Salleh Kamil
A. Rahim
Malik Sutan Muda
Saamah
Zainon
Kemat Hassan
Sharif Dol
Muhammad Hmid
Nyak Osman
Omar Suwita

Original Story: Omar Rojik

PENCERITAAN

Sebelum saya menulis sesuatu yang bersangkutan paut dengan filem ini, terlebih dahulu saya ingin memberikan gambaran singkat kepada para pembaca tentang jalan ceritanya: Dari peta yang tertera di atas layar putih pada permulaan gambar ini ditayangkan ternyatalah bahawa cerita yang akan diperlihatkan itu berlaku di salah satu tempat di daerah Sumatera Utara, mungkin di daerah Aceh, di mana kepercayaan kepada agama Islam diatas segala-galanya. Di daerah ini ada sebuah kampung yang bernama Semerah Padi yang dikepalai oleh seorang penghulu yang sangat taat pada agamanya dan kepercayaan serta ketaatan itu dialirkan pula kepada penduduk-penduduk kampung dengan ketaatan dua orang pahlawan ulung gagah perkasa, pengapit kanan dan pengapit kiri, Taruna dan Aduka.

Penghulu mempunyai seorang anak gadis yang bernama Dara. Dara dan Aduka secara sopan saling cinta-mencintai. Cinta yang timbul daripada pertemuan-pertemuan di rumah bapanya dan sewaktu bekerja secara bergotong-royong disawah.

Adegan awal file mini sudah membentuk satu Gambaran menarik, khusus nya ketika memperkenalkan Aduka dan Dara. Ketika Aduka sedang membersihkan kaki dikawasan berair, kamera mengikut aliran air berkenaan sehingga menunjukkan kaki Dara sedang bermain-main air dikawasan yang berhampiran. Lebih menarik musik latar ketika adegan ini berbunyi seperti resah dan mencurigakan (melancholy). Seolah-olah memberi gambaran bahawa ada sesuatu yang akan berlaku kepada mereka berdua nanti. Musik resah dan mencurigakan ini tidak lama dan kemudian bertukar kepada musik latar lebih romantic.

Adegan seterusnya melihatkan perbualan mesra diantara Aduka dan Dara. Apa yang menarik, walau pun Semerah Padi Mengamalkan undang-undang Islam, namun tidak langsung menjadi kebimbangan kepada Aduka dan Dara untuk

duduk berdua-duaan. Mereka langsung tidak bimbang kepada kehadiran polis-polis moral yang boleh mengganggu perbualan mesra mereka.

Tetapi, Dara kemudian ditunangkan dengan Taruna. Sebagai seorang sahabat, Aduka menerima peristiwa itu dengan hati yang remuk, namun dia tetap rela antaranya disebabkan Taruna dan Aduka, selain daripada sama-sama menjadi pengawal keamanan dan pengapit kanan dan pengapit kiri penghulu yang paling setia, mereka juga dua orang kawan karib yang melebihi saudara sedarah.

Sehubungan dengan itu, ada penulisan dalam sebuah buku dalam bahasa Inggeris oleh penulisnya, James Harfding, buku yang berjudul P. RAMLEE The Bright Star, seperti berikut::

"The prosperity enjoyed by the Achenese villagers of Semerah Padi is threatened when two of his finest warriors fall in love with the chieftain's daughter"

Sejurus, seorang dari kampung yang berdekatan dengan Semerah Padi bernama Galak telah datang melakukan keonaran di kampung itu dengan melakukan perbuatan zina dengan isteri seorang penduduk Kampung Semerah Padi. Si suami mati di tikam. Taruna dan Aduka diperintahkan untuk menangkap perosak rumah tangga dan kedua penzina itu, Akhirnya kedua-dua orang yang melakukan perzinahan itu dihukum sula.

Seorang kawan penjahat itu yang dapat melepaskan diri lari kembali ke kampungnya telah memberitahukan kejadian tersebut kepada abang kepada penjahat itu yang adalah ketua pendekar dikampung itu bernama Borek. Dan beriuta itu juga disampaikan kepada kaum keluarga yang kena sula. Gerombolan penjahat telah menyerang Kampong Semerah Padi secara senyap-senyap membikin huru-hara, membakar rumah-rumah dan membunuh mereka yang tidak berdosa. Namun akhirnya, kesemua puak penjahat itu dapat ditawan, kecuali ketua penjahat iaitu Borek.

Sepuluh pendekar yang gagah berani Semerah Padi yang diketuai Taruna, kemudian berangkat, atas titah sultan, dalam satu tugas untuk menghapuskan lanun-lanun yang bermaharaja lela ketika itu maka tinggallah Aduka mengawal kampung memimpin pagar desa.

Suatu malam, ketika Dara pulang daripada bertandang, ia telah diculik oleh kepala penjahat dan dibawa lari. Salah seorang yang menjadi korban penjahat itu, yang dalam cedera berat melaporkan peristiwa itu pada Aduka dan Aduka pun melakukan pengejaran untuk menjejaki ketua penjahat itu. Saat jiwa Dara terancam hendak diperkosa dan dibunuh, muncul lah Aduka dan terjadilah pertarungan hebat. Satu sama satu beradu tenaga dan Borek, ketua penjahat, telah tewas ditangan Aduka. Dara pengsan yang kemudian nya didukung oleh Aduka menuju Semerah Padi. Namun diperetengahan perjalanan hujan lebat turun dengan petir sabung-menyabung. Berteduhlah mereka di sebuah gubuk pagar desa. Mungkin kerana memuncak perasaan dan dalam suasana yang berpanca roba maka Dara merayu-rayu kepada Aduka minta dikasihani, Dara mencurahkan rasa hatinya. Namun, Aduka tetap kuat dan tak acuh dan berusaha menjauhkan diri. Desakan Dara semakin menjadi-jadi, akhirnya Dara pun hilanglah sudah gadisnya.

Taruna pulang ke kampung setelah selesai tugas wajib pada negara. Setelah menjumpai penghulu ia pulang ke rumahnya. Di rumah didapati Aduka sedang duduk dengan menatang parang menyuruh Taruna membunuhnya kerana dia sudah berdosa.

Berlaku lah dialog dua insan yang bersahabat karib melebihi sedarah: "Aku tidak susahkan Dara yang sudah hilang gadisnya, tetapi kau yang aku susahkan. Aku sayangkan kau melebihi Dara sendiri. Aku memaafkan kesalahanmu! Pergilah kau dari sini." Demikian kata Taruna. Aduka, lalu ke rumah penghulu minta dikahwinkan dengan Dara malam itu juga. Tetapi, pada waktu itu pula ibu bapa Taruna datang mengembalikan sirih menandakan pertunangan telah putus kerana mereka tidak ingin membeli buah yang sudah ditebuk tupai.

"Siapa?" tanya penghulu.

"Saya, pak!" sahut Dara dari muka pintu kamar tengah.

"Kau dengan siapa?" tanyanya lagi.

"Dengan saya," sahut Aduka, yang berdiri di ambang pintu seraya menatang pedang dengan kedua-dua belah tangannya

"Aduka?"

Biarpun belahan dagingnya sendiri, biarpun pahlawan kanannya, namun hukum Allah harus dijalankan Aduka dengan Dara dihukum dera serratus sebatan rotan. Biarpun Taruna merayu-rayu minta Aduka dan Dara diampunkan, biarpun rakyat kampung ikut meminta Daraa dan Aduka dikasihani, namun Penghulu Hitam tetap dengan pendiriannya. Yang bersalah harus dihukum. Namun, Dara dan Aduka masih panjang umurnya Mereka telah terlepas daripada seksaan dunia menurut kitab suci, sekalipun pada Tuhan nanti mereka harus menjawabnya. Namun mereka diterima kembali ke dalam masyarakat dengan satu upacara perkahwinan yang meriah.

CERITA DISEBALIK PERSAHABATAN PENDUKUNG WATAK UTAMA SEMERAH PADI, SENIMAN NORDIN AHMAD, DENGAN PENGARAH FILEM SEMERAH PADI, P. RAMLEE

Nordin Ahmad mempunyai hubungan persahabatan yang sangat rapat dengan P. Ramlee mungkin disebabkan mereka berdua sama-sama berasal dari Pulau Pinang. Mereka berdua mula berkenalan pada tahun 1951 dalam filem Juwita. Dalam filem tersebut, P. Ramlee sudah pun menjadi hero bergandingan dengan Kasma Booty manakala Nordin Ahmad baru saja memulakan kerjaya sebagai pelakon eksteria

Nordin Ahmad sering mengadu kepada P. Ramlee betapa tertekan nya beliau untuk menempatkan diri dalam bidang lakonan terutama sekali setelah menghadapi kegagalan dalam sebuah filem yang dilakonkan oleh beliau. Nordin Ahmad pernah memberitahu P. Ramlee niat nya untuk menggulung tikar dan pulang ke Pulau Pinang. Tetapi P. Ramlee tetap menasihatkan sahabat nya itu supaya bersabar dan mengatakan masa nya akan tiba juga nanti untuk Norfdin Ahmad menjadi pelakon yang berwibawa dan diminati ramai.

P. Ramlee mengarahkan filem kedua nya berjudul Semerah Padi. P.Ramlee telah mengangkat Nordin Ahmad untuk diberi watak utama sebagai Taruna manakala P. Ramlee sendiri memegang watak sebagai hero kedua iaitu sebagai Aduka. Semerah Padi meraih kejayaan yang besar dan nama Nordin Ahmad dengan sekelip mata melonjak naik setaraf dengan P, Ramlee dan hero-hero yang lain ketika itu.

Nordin Ahmad menangis mengucapkan terima kasih nya kepada P. Ramlee dan P. Ramlee juga sebak dada nya melihat kejayaan sahabat nya itu.

MESEJ YANG INGIN DISAMPAIKAN DALAM "SEMERAH PADI"

Enam aspek yang seakan-akan ingin disampaikan oleh seniman agung AllahYarham Tan Sri P. Ramlee iaitu:

- 1) Aspek Agama.
- 2) Aspek Adat Budaya dan Peradaban Melayu Yang Halus dan Tinggi.
- 3) Faktor Dua Insan Yang Sedang Jauh Dilanda dan Dilamun Cinta dan Budaya Kahwin Paksa Dikalangan Masyarakat Melayu.
- 4) Faktor persahabatan dua insan pengapit kanan Penghulu bernama Taruna (Nordin Ahmad) dan pengapit kiri Penghulu Bernama Aduka (P. Ramlee) - ketulusan dan keluhuran budi wira-wira Melayu yang mewakili zaman mereka.
- 5) Faktor Keadilan dan Penghakiman

- 6) Pandangan Pakar Hadis, Dr Asri Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis, Mengenai Sebatan Dibawah Hukum Hudud atau Syariah dalam Filem "Semerah Padi".

ASPEK AGAMA

Filem ini dimulakan dengan kalimat "Bismillah". Boleh dikatakan hampir setiap adegan filem ini disisipi dengan bacaan ayat-ayat suci dan dzikir atau takbir seperti "Allahu Akbar", laungan azan dan salawat.

Babak pertama atau pembukaan tirai menunjukkan gumpalan asap atau kabus dan kemudian terdengar suara yang menggerunkan yang membaca kalimah Bismillah. Babak terakhir pula menunjukkan rumah dimana Aduka (P. Ramlee) berkahwin dengan Dara (Saadiah), dan kemudian dipertontonkan suara-suara bersalawat keatas Nabi dibacakan.

Membicarakan faktor agama Islam sebagai tunjang dan paksi dari semua mesej filem ini, Hassan Abd Motalib, yang juga lebih mesra disapa dengan gelaran "Pak Hassan" berkata: "saya mengambil masa selama 20 tahun untuk berfikir kenapa P. Ramlee hasilkan filem mengenai kisah agama yang kuat sedangkan seperti yang kita tahu, dia bukanlah seorang yang kuat ilmu agamanya atau belliau bukan lah seorang tokoh agama. Jadi, saya dapati bahawa dia adalah seorang yang spiritual".

Mengenai pendapat seorang pengkritik yang mempersoalkan kenapa P. Ramlee menghasilkan filem berpaksikan keagamaan sedang beliau bukan lah seorang yang tangguh ilmu agamanya. Disudut yang lain ada pula seorang pengkritik lain menghuraikan dalam hujah nya memperjelaskan bahawa P. Ramlee adalah seorang yang banyak mengetahui serta mengkaji soal agama. Namun pemakalah dan pembentang kertas kerja bertanda-tanya bahawa agak jarang sekali kita mendapati pembikinan filem dipelopori dan dihasilkan oleh tokoh-tokoh agama kerana bidang perfileman bukan lah medan atau

kepakaran tokoh-tokoh agama dan ulamak. Bidang pembikinan filem bukan bidang ulamak dan tokoh-tokoh agama. Selaku pengarah filem, P. Ramlee boleh mendapat khidmat nasihat, inputs dan kepakaran tentang agama dari kalangan tokoh-tokoh agama. Dan tokoh keagamaan dan agamawan tidak biasa nya melibatkan diri secara langsung dalam pengarah dan malah jauh sekali melibatkan diri mereka dalam pembikinan filem.

Muhammad Abdullah Suradi dalam buku beliau bertajuk: *P. RAMLEE Teguk Ilmu dengan Sheikh Abdullah Fahim* menyebut: “P. Ramlee, sebelum berpindah ke Singapura, beliau sempat belajar ilmu Tauhid dan Sufi daripada Allah Yarham Syeikh Haji Abdullah Fahim (Pulau Pinang) yang menjadi pengasas Sekolah Agama Daeratul Maarifatul Wataniah, Kepala Batas”.

Allah Yarham P. Ramlee juga berkesempatan belajar ilmu Tauhid daripada Allah Yarham Syeikh Tahir Jalaluddin dan Allah Yarham Fadzullah Suhaimi di Singapura. Dia banyak mempelajari ilmu Sufi dan Terekat dari ulama-ulama tersebut.

Filem ini menggambarkan ketokohan seorang penghulu yang sangat kuat pegangan nya tentang agama Islam. Sebagai tokoh agama, Penghulu itu juga seorang yang bijaksana, tegas dan adil dalam memimpin anak buah beliau berlandaskan perundangan Islam, kerukunan dan perpaduan dan bijaksana mentadbir kegiatan ekonomi kampung Semerah Padi. Seorang penghulu yang tidak berkompromi dalam menjalankan hukum-hukum agama biar pun yang menerima hukuman yang berat itu adalah seorang anak gadis dari darah dagingnya sendiri.

Dalam era filem Melalyu hitam putih kebanyakan filem-filem yang berunsur keagamaan seringkali ditolak dan tidak mendapat tempat untuk diterbitkan oleh pihak majikan atau towkey filem. Perkara ini terjadi kepada filem Semerah Padi arahan P. Ramlee pada tahun 1956 apabila penyertaan nya untuk bertanding dalam Festival Asia Ke-3 di Hong Kong telah ditolak dengan alasan filem itu mempunyai unsur dan nilai keagamaan yang terlalu ketara.

Filem Semerah Padi (1956) menceritakan sebuah negeri yang mendaullatkan undang-undang Islam dalam pemerintahan nya. Arus pemikiran seniman ini berkonsepkan ketuhanan dan menerapkan budaya Melayu yang agak pekat dalam kehidupan seharian. Dialog: “Dari hidup bergelumang dosa, biar mati dijilat neraka”. Teruna menegelh kesal dihadapan sahabatnya, Aduka.

Dengan parang diatas kedua telapak tangan nya, Aduka (P. Ramlee) menyerahkan Nasib nya ditangan Teruna (Nordin Ahmad) ketika menyatakan pengakuan nya, berzina dengan Dara. Mesej yang diutarakan ialah bagaimana adab sopan bangsa Melalyu itu dijalinkan Bersama kepatuhan beragama yang tinggi dan nilai kejujuran serta merendah diri bangsa dizahirkan dengan kekesalan melakukan satu dosa dan sedia menerima hukuman. Zaman sekarang? Payah hendak jumpa orang yang mudah mengaku salah dan silapnya. Selagi boleh lawan, lawan lah. Peguam kan banyak

MESEJ ADAT BUDAYA, SOPAN SANTUN DAN PERADABAN MELAYU YANG TINGGI

Filem ini juga menggaris-bawahi kehalusan peradaban, budi bahasa dan istiadat Melayu. Faktor sopan santun dijelma dan dititik beratkan. Yang justeru seolah-olah P. Ramlee ingin menerapkan kehalusan budi pekerti, budi bahasa yang penuh kesopanan dalam peradaban Melayu agar terpahat diminda penonton-penonton yang berbangsa Melayu dan beragama Islam demi kelangsungan untuk melestarikan budaya yang luhur tersebut.

Visual tentang budaya Melayu begitu banyak sekali terpapar dalam filem ini. P. Ramlee berjaya mempromosikan kesantunan budi orang Melayu melalui tingkah-laku Dara yang sentiasa meminta izin, walau pun lalu dibelakang bapanya. Teruna mencium tangan Penghulu Hitam ketika dia datang kerumah penghulu berkenaan dan Dara mencuci kaki sebelum naik kerumah Aduka.

Sirih merupakan elemen penting dalam budaya Melayu dan sirih sering digunakan sebagai tanda dalam majlis perkahwinan dan pertunangan.

Para pendekar dan pahlawan Semerah Padi diraikan dalam suatu upacara sebelum pergi ke medan perang dengan istiadat Kemelayuan yang halus dengan penghormatan yang bersendfikan budaya Melayu yang halus dan dengan kerendahan hati yang membudaya dalam masyarakat Melayu tulen atau asli dan bersalaman dengan penuh kemesraan dengan Penghulu dan orang tua-tua Kampung Semerah Padi.

Selain upacara meraikan pemergian para pendekar dan pahlawan Semerah Padi dengan diiringi bacaan ayat-ayat suci dan azan, P. Ramlee juga menyisipinya dengan tarian budaya Semerah Padi (choreographer - Seniwati Normadiyah).

Filem ini juga mempertontonkan kehalusan budi masyarakat Melayu metaati titah perintah Sultan dan Raja mereka dalam istilah pantang Melayu durhaka kepada Raja. Apabila utusan Sultan memerintahkan agar Semerah Padi menghantar pendekar-pendekar dan pahlawan-pahlawan untuk menghapuskan lanun yang bermaharaja lela waktu itu sedangkan dalam masa yang sama Semerah Padi berdepan dengan ancaman keselamatan para penjahat dari kampong berdekatan yang telah membakar rumah-rumah dan membunuh penduduk kampong Semerah Padi yang tidak berdosa terhadap mereka. Namun Penghulu Hitam (Daeng Idris), dalam keadaan huru-hara dan tidak aman tersebut, bersedia menghantar 10 orang pendekar tebilang Semerah Padi yang diketuai oleh Taruna (Nordin Ahmad). Kesetiaan kepada Sultan juga berupa elemen ingin diterapkan diminda masyarakat Melayu oleh P. Ramlee.

Mesej yang cuba disampaikan dalam Semerah Padi adalah suatu bangsa yang unggul mempunyai bahasa dan tutur kata yang amat sopan dan bererti. Ada satu puisi mengenai bangsa Melayu, iaitu "Melayu itu menegur pun ia sopan".

FAKTOR DUA INSAN YANG SEDANG JAUH DILANDA DAN DILAMUN CINTA DAN BUDAYA KAHWIN PAKSA DIKALANGAN MASYARKAT MELAYU SERTA BUDAYA MENJODOHKAN DALAM MASYARAKAT

Penulis tidak lah bermaksud untuk membicara dan mempersoalkan hukum hudud secara lebih mendalam tetapi sekadar ingin melontarkan tanda-tanya untuk ditelaah serta dicerakin bersama mengenai faktor hukum hudud - hukuman atau denda yang diperturunkan keatas dua insan yang saling bercinta yang dipaksa bertunangan dengan jejaka bernama Taruna (Nordin Ahmad) yang tak dicintai oleh Dara (Saadiyah). Dara terpaksa menerima pertunangan tersebut biarpun dia tidak rela disebabkan oleh rasa takut dan hormatnya kepada ibu bapanya terutama ayah nya yang memegang tampuk kekuasaan di Semerah Padi. Faktor cinta telah langsung dikesampingkan sama sekali dalam hidup dikandung adat dan terbelenggu oleh adat dalam masyarakat di Aceh, Sumatra, yang kaya dengan adat istiadat sebagai sebuah masyarkat yang teguh memegang adat dan kuat pegangan terhadap keagamaan. Aduka (P. Ramlee) digoda oleh dara dalam suasana keberadaan nun jauh dihutan belantara dan dalam suasana hujan lebat membasahi bumi Semerah Padi, dan dalam keadaan mereka hanya berduaan - jauh dari kampung Semerah Padi. Setelah hampir-hampir diperkosa oleh seorang ketua penjahat bernama Borek (watak yang didukung oleh seniman Salleh Kamil) yang bertindak dengan ganas untuk membalas dendam terhadap Penghulu Hitam (Daeng Idris) yang menghukum bunuh dan hukum sula adek nya yang bernama Jejaka (A. Rahim) atas kesalahan membunuh dan berzina. Borek tidak hanya bermaksud untuk memperkosa atau merogol Dara yang diculik oleh nya malah Borek bertekad untuk membunuh nya sekali gus. Aduka telah berhasil menyelamatkan Dara dari cengkaman niat jahat Borek. Borek akhirnya tewas ditangan Aduka.

MESEJ TERKAIT PERSAHABATAN DUA INSAN - PENGAPIT KANAN DAN PENGAPIT KIRI PENGHULU SEMERAH PADI KETULUSAN DAN KELUHRAN BUDI DUA PENDEKAR ULUNG DAN SEJATI DALAM

KONTEKS BUDAYA ISLAM DAN BUDAYA HIDUP MASYARAKAT MELAYU

Taruna (Nordin Ahmad) yang bertunangan dengan Dara (Saadiah) yang menderita rintihan perasaan dan hati setelah diberitahu oleh Aduka (P. Ramlee) tentang keonaran yang Aduka dan Dara telah lakukan, Taruna telah menerima permintaan maaf dari Aduka dengan mengatakan dia rela mati ditangan Taruna untuk kesalahan yang dia lakukan. Taruna malah meminta Aduka segera melarikan diri meninggalkan Semerah Padi agar Aduka terlepas dari hukuman hudud yang amat berat. Taruna dengan fikiran dan hati penuh kerelaan meminta Tok Penghulu menikahkan dia dengan Dara pada malam itu agar keterlanjuran Aduka dan Dara tidak diketahui oleh Tok Penghulu. Begitu lah ketulusan hati Taruna selaku seorang sahabat tatkala berdepan dengan keadaan segetir dan segenting itu.

Sebagai seorang yang tergolong dalam masyarakat yang berpaksikan Islam, selain dari peradaban dan susila Melayu yang tinggi, Taruna selaku pahlawan dan pendekar ulung dan sejati tidak sedikit pun menyimpan rasa dendam terhadap sahabat nya Aduka.

Dialog Taruna ketika perbualan dengan Aduka yang membuktikan betapa unik nya persahabatan dua pendekar ulung Kampong Semerah Padi seperti berikut:

"Kau cemarkan nama mu, kau cemarkan Semerah Padi, kalau hanya Dara, aku sanggup berikan, kerana aku sayangkan kau lebih dari Dara. Jangan kata hendak membunuh dirimu, menjatuhkan hukuman sekali pun tak sampai hatiku. Menghukum kau bererti aku menghukum diriku sendiri".

"Aduka, dosa mu ku ampunkan. Hanya terserahlah pada diri mu sendiri untuk memohon keampunan daripada Tuhan. Lari lah kau Aduka..tinggalkan lah Semerah Padi. Biar busuk daging ku mamah asalkan kau terhindar cemar".

FAKTOR KEADILAN DAN PENGHAKIMAN

Ketika kedua Aduka dan Dara menjalani hukuman sebat sebanyak 100 rotan, Taruna malah mohon agar Tok Penghulu tidak meneruskan sebatan yang kelihatan begitu mencederakan tetapi Tok Penghulu tetap tak berganjak. Mesej yang ingin disampaikan oleh P. Ramlee dan faktor yang tersirat adalah seperti berikut:

- 1) Kemungkinannya melihat kepada fakta dan rentetan kejadian keseluruhan nya, hukuman yang diperturunkan seharusnya ada sedikit pengurangan atau keringanan. Keadilan yang secara arbitrari tanpa proses perbicaraan yang bertamaddun.
- 2) *Justice hurried is justice denied as opposed to the justice of God is better than the justice of the world.*
- 3) *Justice without compassion is not justice.*
- 4) Faktor manusiawi dan manusia biasa-para bani Adam terus menerus dan senantiasanya disesatkan oleh pengaruh serta tipu helah iblis dan syaitan.
- 5) Borek dan Aduka bertarung sengit menyelamatkan Dara dari diperkosa atau dirogol dan kemudian nya dibunuh. Aduka dan Dara hanya berdua jauh di hutan belantara yang mana ketika itu hujan lebat menyirami bumi Semerah Padi. Dara pula dalam kecintaan dan kerinduan nya telah mendorong Aduka biar pun Aduka bertegas untuk cuba menghindari nya namun suasana seperti yang tersebut telah membuat kedua nya terjebak dan terlanjur. Faktor-faktor tersebut atau “mitigating factor” telah tidak dipertimbangkan mungkin disebabkan dizaman purba tatkala itu. tanpa adanya sistem kehakiman yang bertamaddun.

- 6) Faktor peri-kemanusiaan lantaran pertunangan dikandung adat yang justeru meminggirkan faktor cinta antara dua insan serta hukuman sebat yang mencederakan amat yang membuat Taruna dan 3 orang lain yang menyaksikan mohon belas kasihan dari Tok Penghulu agar menghentikan sebatan yang seakan-akan mereka lihat sebagai zalim dan tak berperikemanusiaan tetapi Tok Penghulu tak sedikit pun menghiraukan rayuan belas kasihan dari mereka. Faktor ini wujud dizaman itu lantaran para agamawan dan para penegak hukum yang berdasarkan syaraeyah yang sama sekali tidak boleh dikompromi.

Abd Hassan Mutalib yang pernah jadi pengarah filem, penulis dan pernah juga mencuba nasib dalam bidang lakonan disamping digelar Bapa Animasi Negara pernah berkata: "Apabila saya dijemput oleh Penang Institute untuk bercakap mengenai filem P. Ramlee, saya tonton semula Semerah Padi dan ia bukan lah semata-mata mengenai hukum hudud, sebaliknya filem itu sebenar nya mempersoalkan hukum hudud".

Episode berikut nya akibat hambatan, hempapan dan himpitan godaan Dara yang seakan-akan memaksa maka Aduka dan Dara, sebagai insan biasa, telah terjebak dan terlanjur lalu langsung terhumban kedalam kancah perzinaan. Aduka serta merta menginsafi serta menyesali kesalahan dan keterlanjuran nya (remorseful) apakala kedua-dua pasangan tesebut berhadapan dengan Penghulu dan Taruna (yang berkepentingan) namun berkata Tok Penghulu yang seakan-akan bersifat authoritarian: "noda tetap noda". "Dan hukuman tetap dijalankan tanpa ada sedikit pun pertimbangan bagi pengurangan disegi hukuman saumpama nya".

Faktor suasana dalam hutan belantara dan suasana hujan yang luar biasa lebatnya dalam suasana ribut petir yang sabung-menyabung, faktor jasa menyelamatkan Dara dari diperkosa dan dibunuh dan faktor hambatan yang berupa godaan dari Dara dan faktor ditakdirkan mereka hanya berdua setelah menggadai nyawa bertarung untuk menyelamatkan Dara dari tangan penjahat yang sangat kejam, langsung tidak di faktorkan kedalam perbicaraan bagi dua insan yang bercinta ini. Faktor menodai hak dua insan untuk

mencorakkan hidup mereka yang dileburkan oleh pertunangan secara paksa telah tidak diambil kira dan langsung tidak disentuh dan dikaitkan dalam pengadilan.

PANDANGAN PAKAR HADIS, DR ASRI ZAINUL ABIDIN, MUFTI NEGERI PERLIS, MENGENAI SEBATAN DIBAWAH HUKUM HUDUD ATAU SYARIAH DIDALAM FILEM "SEMERAH PADI"

ISU hukuman sebat yang dikenakan keatas model sambilan Kartika Sari Dewi Shukarno masih hangat diperbincangkan dan mendapat liputan luas media.

Kewajaran hukuman keatas Kartika yang disifatkan sebagai zalim dan tidak berperikemanusiaan dipersoalkan. Malah beberapa pihak meminta ibu muda yang juga model sambilan yang sudah insaf atas kesalahannya meminum arak ditempat awam dan rela pula menghadapi hukuman tersebut, merayu untuk mengelakkan hukuman.

Ramai tokoh politik dan NGO memberi pandangan mereka tentang kewajaran hukuman tersebut. Bagi pakar ilmu hadis yang juga seorang Mufti Perlis, Dr Asri Zainul Abidin, berkata, "sebahagian masyarakat Malaysia terkeliru mengenai gambaran hukum sebat Islam disebabkan beberapa faktor.

"Salah satunya, filem P. Ramlee iaitu filem "Semerah Padi". Disamping wujudnya unsur-unsur positif dalam filem berkenaan, tetapi cara hukuman Islam digambarkan amat tidak serasi dengan hakikat hukum tersebut. Cara kes dibicarakan, sehingga hukuman sebat dan beberapa perkara lain kelihatan rakus dan kejam," kata Dr Asri.

Kata Dr Asri lagi, hukuman sebat dalam Islam tidak sampai mencederakan sedemikian rupa. Gambaran ini lah yang ada dalam pemikiran sesetengah masyarakat, sama ada yang pro atau kontra, lalu beberapa tafsiran salah telah dibuat terhadap hukum-hukum jenayah peribadi tanpa menyentuh hak individu lain seperti zina dan minum arak.

"Berbeza dengan jenayah yang membabitkan ancaman kepada hak individu lain atau keselamatan awam seperti mencuri, merompak, membunuh, merogol dan yang saumpama nya. Jenayah peribadi seperti zina dan arak pendekatan Islam amat lunak dan membuka ruang pelepasan dan cuba menutup ruang pendedahan," jelas Dr Asri.

Menurut Dr Asri, "Sebatan nya juga tidak mencederakan, bahkan pada zaman Nabi S.A.W. ada yang hanya disebat menggunakan kain sahaja. Bukan untuk mencedera dan memusnahkan, tetapi sekadar peringatan dan pengajaran".

Filem "Semerah Padi", kata tokoh agama yang disegani itu, memberikan gambaran yang sebaliknya. Maka walau pun filem ini telah lama, dalam suasana sekarang, hal ini perlu diingatkan.

MENYELAMI HASRAT DAN PEMIKIRAN P. RAMLEE DALAM MENGHASILKAN "SEMERAH PADI" DALAM KONTEKS KARYA-KARYA P. RAMLEE YANG LAIN YANG BERKENAAN

Sebelum penggambaran Semerah Padi bermula, Run Run Shaw telah berbincang dengan P. Ramlee supaya menghasilkan sebuah filem yang luar biasa dari segi background, penceritaan, sinematografi dan komposisi kamera.

Antara mereka yang beruntung dapat menyaksikan filem Semerah Padi arahan kedua P.Ramlee setelah selesai pembikinannya, termasuklah Abdullah Hussain, Sasterawan Negara, penulis buku KISAH HIDUP SENIMAN AGUNG P. RAMLEE dan saudara Hashim Hassan daripada akhbar harian Utusan Melayu. Tayangan istimewa itu dilakukan di Panggung Pavilion tertentu untuk penerbitnya, Run Run Shaw dan pegawai-pegawai pejabatnya yang terpenting sahaja. Penayangan di Panggung Pavilion itu sahaja sudah menjadi satu hal yang luar biasa bagi filem-filem Melayu yang pernah dikeluarkan daripada Studio Jalan Ampas, kalau kejadian ini ditinjau dari sudut penghormatan. Pagi-

pagi-pagi lagi Run Run Shaw telah sampai di panggung itu mendahului P.Ramlee. Orang-orang lain dari studio itu yang datang selain daripada jurukameranya, Ramachandra, adalah hero dalam filem tersebut Nordin Ahmad, kepala penjahat, Salleh Kamil, dan P.Ramlee sendiri.

SEMERAH PADI dibikin untuk bertanding di Pesta Filem Asia ke-3 yang telah diadakan di Hongkong pada tahun 1956. Ia telah dicalonkan bersama filem HANG TUAH yang memenangi Anugerah Musik Terbaik. Manakala SEMERAH PADI tidak memenangi sebarang anugerah kerana pihak juri berpendapat bahawa filem itu terlalu sensitif kerana bepaksikkan keagamaan.

Penulis Abdullah Hussain menyatakan pujian kepada P.Ramlee atas kejayaannya sebagai pengarah yang terbaik, kerana arahannya yang kedua ini lebih baik daripada arahannya yang pertama. Benarlah apa yang dikata oleh Hashim Hassan dalam majalah Utusan Filem dan Sport - kurangnya filem Semerah Padi dibandingkan dengan filem Hang Tuah hanyalah warnanya.

Penulis dan pemakalah bertanda tanya bahawa P. Ramlee sebagai seorang yang berkebolehan multi-dimensional pemikiran P. Ramlee adalah seperti berikut:

- 1) Filem P. Ramlee "Anak Ku Sazali", P. Ramlee menghasilkan filem yang bercorak kemasyarakatan. Filem tersebut adalah penceritaan terdapatnya dalam masyarakat kita kesalahan dalam membesarkan dan mendidik anak dengan secara lunak, lembut dan dengan cara memanjakan anak berkenaan yang didorong oleh rasa cinta nya terhadap isterinya yang meninggal dunia ketika melahirkan anak tersebut yang pada akhirnya meminjam kata-kata hikmah dalam Semerah Padi: "Padi yang ku semai; Lalang yang menjadi". Anak itu tadi akhir nya menjadi ketua samseng (gangster).
- 2) P. Ramlee menghasilkan filem-filem "musical" seperti filem "Ibu Mertuaku" yang bercorak kemasyarakatan iaitu filem yang penceritaannya mengenai sikap masyarakat kaya yang memandang hina

masyarakat marhaen atau golongan miskin dan pemain musik juga sama dikategorikan sebagai golongan bawahan atau golongan miskin, pada waktu dan ketika itu atau dalam era dimana bidang musik serta nyanyian belum berkembang pesat dan belum dimertabadikan seperti era sekarang iaitu era kemajuan dan era ekonomi yang bermertabad dan bemarkuah.

- 3) P. Ramlee juga menghasilkan filem-filem komedi yang didalam nya mengandungi usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang pelbagai kepincangan dan kecelaruan dalam pemikiran masyarakat. Dalam pemikiran P. Ramlee penceritaan dalam bentuk jenaka atau komedi adalah lebih mudah untuk dihadham, dicerna serta difahami oleh masyarakat.
- 4) Pembikinan filem "Sarjan Hassan adalah berbentuk patriotik yang penceritaan nya mengenai dalam era Kerajaan menghapuskan ancaman komunis.
- 5) Filem "Musang Berjanggut" lebih merupakan kisah purba yang seakan-akan memberikan sindiran yang tajam, kiasan dan nasihat mengenai sikap para pemimpin dan pembesar. Filem ini mengandungi "intrigues" dan soal tipu-helah serta kebijaksanaan seorang putera Raja.
- 6) Filem "Antara Dua Darjat" merupakan konflik antara dua kelas iaitu diantara masyarakat masyarakat berdarah raja, feudal dan "aristocrat" (bangsawan) dengan masyarakat akar umbi atau masyarakat jelata yang miskin. Ia juga menceritakan sikap masyarakat yang mendewadewakan masyarakat berpangkat dan berpengajian Barat.
- 7) P. Ramlee juga adalah seorang berjiwa pemimpin seperti apa yang di gambarkan dalam salah sabuah filem arahan beliau yang dibintangi oleh beberapa orang masyarakat kaum India. Filem itu berusaha demi perpaduan kaum dimana penceritaan kisah cinta antara P. Ramlee dan

seorang gadis terdiri dari kaum India. Ini memperkuat satu segmen masyarakat yang berpandangan bahawa P. Ramlee bukan seorang chauvinist dan racist. Beliau adalah dalam golongan yang menghormati kepelbagaian kaum dan kesatuan ummah.

Contoh-contoh diatas membuktikan P. Ramlee juga berkemampuan serta berkebolehan menghasilkan karya yang lebih dinamik dan malah P. Ramlee juga berani menghasilkan filem yang berpaksikan agama Islam seperti filem "Semerah Padi".

KELAINAN DALAM FILEM ARAHAN P. RAMLEE

Filem ini ada seni reka produksi dan pengarah seni membantu dalam penceritaan.

Dalam filem Semerah Padi, banyak dilihat teknik baharu penggambaran yang belum pernah dibuat oleh pengarah. pengarah India. Banyak trick-shot baharu yang agak ganjil-satu keistimewaan yang diperlihatkan P. Ramlee sebagai pengarah. Dialognya juga banyak yang bernas. Para pelakon memperlihatkan peranan yang bersungguh-sungguh, sehingga keseluruhan jiwa filem ini hidup sehidup-hidupnya.

P. Ramlee bijak memilih team atau pasokan beliau yang terdiri dari S. Sudarmaji - dialog dan kata-kata hikmah, cerita asal dari Omar Rojek, Malik Sutan Muda mengenai ilmu persilatan, gurindam oleh Jamil Sulong dan choreographer - Seniwati Normadiah.

P. Ramlee berjaya membuat kelainan dari sudut sinematografi, komposisi kamera dan penyuntingan.

Barisan pelakon watak yang utama adalah Nordin Ahmad, A. Rahim, Malik Sutan Muda, Normadiah, Salleh Kamil dan Daeng Idris. Mereka ini adalah diantara pelakon-pelakon yang tidak asing lagi mewakili zaman nya dan tak diragukan sebagai para pelakon yang sangat berkaliber.

LAGU DAN IRAMA

Terdapat 5 buah lagu dalam filem ini iaitu:

Semerah Padi
 Lenggang Kangkung Baru
 Makan Sireh di Semerah Padi
 Sekapur Sireh Seulas Pinang
 Putus Kasih Di Semerah Padi

SEKAPUR SIREH

AMBIGUITI yang berkisar difikiran penulis sebagai berkemungkinan apa yang tersirat dalam filem Semerah Padi dan apa subteks dalam minda seniman agung, Allah Yarham Tan Sri P.Ramlee, seperti berikut:

- 1) Corak kepemimpinan Penghulu Semerah Padi sebagai tokoh yang sangat kuat pegangan nya pada agama Islam dan yang mungkin tersirat didalam pembikinan filem ini ialah wajar kah Tok Penghulu disifatkan sebagai seorang yang autokratik yang seakan-akan memerintah Semerah Padi secara arbitrari. Disudut pandang yang lain, pengarah filem ini juga dalam masa yang sama bertanda-tanya bahawa pemerintahan autokratik adalah perlu dan wajar untuk memimpin sekelompok masyarakat yang baru memeluk agama Islam yang sifat mereka masih dangkal keilmuan dan masih jahiliah yang dalam pemikiran kebanyakan mereka yang tidak beragama sebelum mereka memeluk agama Islam. Pernah dibuktikan bahawa pendekatan pemerintahan secara "kuku besi" mungkin perlu dalam konteks "situational leadership" dan "social engineering" dimana rakyat nya sebelum itu hidup bebas tanpa sempadan tanpa ada garis pemisah antara yang benar dengan yang salah, antara halal dan haram dan antara amal makruf dan nahi mungkar.

2) Ada tiga faktor dalam kepemimpinan Semerah Padi:

- (a) Pemerintahan belandaskan perundangan Islam (Hudud)
- (b) Gotong royong adalah dijadikan nadi dalam menggiatkan kemajuan dan kegiatan ekonomi Semerah Padi.
- (c) Masyarakat yang didalam nya ditekankan peri penting nya mengasuh serta membina barisan pendekar-pendekar yang handal dan terbilang yang perlu untuk mempertahankan kedaulatan agama, keselamatan penduduk dan ketenteraman tanah air. Misal nya bila ketua penjahat (Borek) memerintahkan orang-orang nya untuk membunuh Tok Penghulu, perintah tersebut telah disanggah oleh salah seorang pahlawan kanan ketua penjahat yang mengatakan bahwa amat sukar untuk membunuh Tok Penghulu selagi kewujudan dua Pengapit Penghulu iaitu Pengapit Kanan (Taruna) dan Pengapit Kiri (Aduka) pendekar ulung yang gagah perkasa yang jadi penegak pentadbiran atau pemerintahan Tok Penghulu.

LATAR BEALAKANG

PENCERITAAN DIUBAH LANTARAN PERTIMBANGAN SUDUT KOMERSIAL DAN SUDUT CINEMATOGRAPHY MENURUT APA YANG LUNAK DITONTON OLEH ORANG RAMAI

Kejujuran Dara dibuktikan: Dia mengaku di hadapan ayahnya bahawa dia telah melakukan zina bersama Aduka. Perkara ini telah tersebar luas ke seluruh pelosok daerah. Kanun Negara menghukum orang berzina dengan sula. Dara tak lepas daripada hukuman ini tetapi Aduka telah diminta oleh ibunya yang telah tua itu supaya melarikan diri. Apabila sampai masanya, Dara digiring untuk disula di sebuah bukit. Hal ini telah diperhatikan oleh Aduka yang

bersembunyi dengan azam hendak melepaskan Dara daripada hukuman mati itu dan lari bersama-sama.

Tepat pada saatnya, Aduka muncul lalu membunuh pertanda yang hendak menyula Dara. Ketika Dara hendak dilepaskan dari ikatan, tiba-tiba muncul pula, Taruna yang baru pulang daripada perjuangan di atas permintaan raja, dan sekarang dia berhadapan dengan Aduka. Maka terjadilah perkelahian hebat di antara dua orang kawan sahabat karib.

Pada kemuncak pertarungan itu, Aduka jatuh dan Taruna menghayunkan tumbuknya untuk penghabisan tetapi Dara telah menerkam dan menggaling tubuhnya di hadapan Aduka - lantas terbunuhlah Dara di tangan Taruna. Aduka bangun melawan Taruna, dan Taruna terkorban di tangan Aduka.

Aduka yang mengalami luka-luka yang teruk menggandung Dara yang telah menjadi mayat itu tapi ia tergelincir di celah-celah batu lalu jatuh ke gaung dalam dan terus terkorban. [Demikian cerita asanya dari buah tangan Omar Rojek.]

Menurut cerita asalnya, pada akhirnya Aduka, Taruna dan Dara, ketiga-tiganya telah mati. Tetapi untuk filem ini, P.Ramlee telah meminda cerita ini dengan Pengulu menjatuhkan hukuman sebat kepada ananya (Dara) berserta kekasihnya (Aduka) sejumlah 100 pukulan rotan, sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang Islam. [Tamat]

Apakah tafsir Semerah Padi? 'Se' ialah satu, Merah' ialah tanda darah atau berani; 'Padi' ialah satu simbol yang tak dapat dipisahkan daripada jiwa orang Melayu dan maksudnya ialah orang Melayu jati. Semerah Padi ialah dimaksudkan dengan perkataan "Satu kumpulan (atau satu kam-pungan) orang Melayu yang berani.

Filem Semerah Padi ini menceritakan betapa beraninya orang-orang Melayu dahulu kala menghadapi kebenaran dan hukum Islam. Titik tujuannya ditumpukan ke arah hukum Islam terhadap mereka yang melakukan perbuatan

zina. Penghulu yang mengetuai kampung itu memberikan hukum bunuh kepada orang yang berzina. Tiba-tiba, anak perempuannya sendiri pula melakukan perbuatan tersebut; dan beliau tetap berani menghukum bunuh anak kesayangannya.

Di atas bantahan beberapa pihak yang tertentu selepas ia ditayangkan di beberapa tempat, filem ini telah dipotong oleh Badan dan Penapis Filem di beberapa bahagian:-

- (1) babak percintaan di antara Jejaka dan Galak;
- (2) babak menghukum kerana melakukan zina (dipotong sebahagiannya);
- (3) serangan orang-orang jahat ke atas orang-orang kampung dan pembakaran anak dalam buaian; dan
- (4) penggambaran dekat dalam babak memukul dengan rotan. Potongan-potongan ini dibuat oleh Badan Penapis Filem, Persekutuan Tanah Melayu di atas bantahan Persaudaraan Suka Maju, Pulau Pinang.

PENUTUP

Semerah Padi diarahkan dengan bertenaga. Pintu kreativiti nya terbuka luas dan lebar, pantas meneroka dan meminjam idea daripada pembikin-pembikin filem dunia. Kekurangan yang ada pada dirinya merupakan tanda bahawa ia akan meneroka idea yang besar, dan setiap fiemnya memperlihatkan penerokaan luar biasa untuk zamannya.

Setiap seorang tokoh kreatif dunia sama ada bidang fielm, teater, *paintings*, atau muzik yang hebat memang sukafr diterima oleh zamannya seperti yang dialami oleh Sergei Eisenstein, August Strindberg, Dosstoyevsky, Salvatore Dali, Van Gogh, Orson Wellles, Elia Kazan dan Mozart. Kesemua nya adalah tokoh dunia yang diabai, dipinggir, dibiuang, dihambat, dikurung akal fikir mereka oleh negara masing-masing. Mereka tetap bekerja dan mencari tempat diceah-cealh waktunya. Ruang ini tidak berkesempatan untuk membicarakan penderitaan P. Ramlee ketika berada diKuala Lumpur sehingga meninggal dunia dalam keadaan yang terpinggir, terbuang dan terumbang-ambing

mdenggapai seni filem yang amat dicintainya. Sekarang Allah Yarham P. Ramlee lebih besar daripada kita dan lebih abadi daripada zamannya.

Rujukan:

P. Ramlee Erti Yang Sakti – Ahmad Sarji

Sepanjang Riwayatku P. Ramlee

Kisah Hidup Seniman Agung P. Ramlee – Abdullah Hussain

P. Ramlee – Tiada Yang Kedua – Hidir Ali Razali

P. RAMLEE Seniman Agung Dunia Melayu – Arkib Negra

P. RAMLEE Teguk Ilmu Dengan Sheikh Abdullah Fahim – Muhammad Abdullah Suradi

Membedah P. Ramlee – Daniyal Kadir

SUARA Nusa Dalamn Filem-Filem Seniman Agung – Raihan Mohd Said

Edisi Khas Sempena 50 Tahun Pemergian Seniman Agung Tanah Melayu 29 Mei 2023 – Alam P. Ramlee - Fathani Darussalam

Podcast Sembang Sambung